



يونيورسيٲي كبعشاءن مليسيا

FAKULTI PENDIDIKAN

Tajuk :

**PENILAIAN DALAM
KURIKULUM BAHASA ARAB**



NAMA : MOHD ZAINUL ARIFIEN BIN MOHD JAID

NO. MATRIK : P39096

PROGRAM : SARJANA PENDIDIKAN

KURSUS : GC6583

**TAJUK KURSUS : PERANCANGAN KURIKULUM PENDIDIKAN
BAHASA ARAB**

PENSYARAH : DR. NIK MOHD RAHIMI BIN NIK YUSOFF

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan salah satu daripada tiga bahasa utama yang memainkan peranan penting dalam sejarah dan peradaban manusia. Pengkaji sejarah telah menambah dua lagi bahasa menjadikan kesemuanya lima bahasa utama yang telah memberi sumbangan besar dalam sejarah perkembangan tamadun manusia. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Cina Kuno, bahasa Sanskrit, bahasa Latin, bahasa Greek dan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, hanya bahasa Arab yang masih digunakan dan terus berkembang sehingga kini (Abd. Razak Abu Chik. 2007).

Kepentingan Bahasa Arab dalam mengukuhkan perpaduan umat Islam telah mendorong sarjana-sarjana Islam membuat ketetapan mengenai kedudukan Bahasa Arab dalam sistem pendidikan. Antara resolusi yang diisytiharkan oleh Konvensyen Dunia Kali Pertama Mengenai Pendidikan Islam di Mekah pada tahun 1977 ialah kewajipan negara-negara Islam terutamanya yang bukan berbangsa Arab mewajibkan pendidikan Bahasa Arab dalam sistem pendidikan mereka. (al-Attas. 1977)

Di Malaysia kurikulum Bahasa Arab telah diperkenalkan secara rasmi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada 1 Januari 1977 seiring dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Dalam tempoh empat tahun pertama penubuhan SMKA, kurikulum Bahasa Arab didasarkan kepada prosedur peperiksaan mata pelajaran yang sedia ada di Lembaga Peperiksaan Malaysia. (Muhamad Zahidi Ariffin. 2003)

Pada tahun 1981, Bahagian Pendidikan Islam (sekarang dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Islam dan Moral atau JAPIM) telah menggubal dua buah Sukatan Pelajaran Bahasa Arab; satu sukatan untuk SMKA dan satu lagi untuk Sekolah Berasrama Penuh. Apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, Kurikulum Bahasa Arab juga digubal semula. Sukatan Pelajaran Bahasa Arab ini, dilaksanakan di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Berasrama penuh (SBP) mulai tahun 1991. Pada peringkat awal, namanya kekal dengan Bahasa Arab sehinggalah pada 12 Jun 1991, Jawatankuasa Kurikulum Pusat

(JKP) telah memutuskan supaya nama Bahasa Arab diubah kepada Bahasa Arab Komunikasi. Selain daripada itu Jawatankuasa Kurikulum Pusat juga meluluskan mata pelajaran baru iaitu Bahasa Arab Tinggi dan dilaksanakan mulai tahun 1992.

Kurikulum Bahasa Arab di negara ini terus berkembang apabila pada tahun 2000 Kementerian Pelajaran Malaysia telah sekali lagi membuat semakan terhadap kurikulum tersebut (Zawawi Ismail et al. 2005). Pelaksanaan kurikulum yang disemak itu seterusnya dilaksanakan di sekolah-sekolah yang berkaitan bermula pada tahun 2003.

Perubahan-perubahan yang berlaku terhadap kurikulum Bahasa Arab menunjukkan penilaian telah dibuat terhadap keberkesanan kurikulum yang diguna pakai sebelumnya. Dalam kajian-kajian yang dibuat menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dan masalah dalam kurikulum Bahasa Arab. Umpamanya kajian yang dibuat oleh Mohd Isa Hamzah (1998) seperti yang dipetik oleh Zawawi Ismail et al. (2005) mendapati kurikulum Bahasa Arab masih tidak dapat menampilkan kaedah yang boleh membantu pelajar untuk memahami al-Quran dan al-Hadith seperti yang dihasratkan oleh kurikulum berkenaan. Dengan kata lain pelajar masih tidak mampu memahami bahasa tersebut dengan baik.

Demikian juga kajian yang dibuat oleh Mohamad Ibrahim Dahab (1999) dalam Zawawi Ismail et al. (2005) mendapati semua objektif Bahasa Arab Komunikasi KBSM tidak dapat dicapai sepenuhnya kecuali kemahiran membaca. Antara faktornya menurut beliau adalah meletakkan objektif P&P yang terlalu tinggi dan juga tahap kesukaran yang tinggi dalam kandungan kurikulum tersebut.

MODEL-MODEL KURIKULUM


Membincangkan topik penilaian kurikulum apa sahaja mata pelajaran termasuklah Bahasa Arab, tidak dapat lari daripada turut membicarakan model-model kurikulum. Ini adalah kerana kebanyakan model kurikulum yang diperkenalkan telah meletakkan penilaian sebagai pelengkap kepada kitaran sesuatu model yang diperkenalkan. Menurut

Yusuf Hashim (2000) antara model kurikulum yang sering menjadi rujukan dalam pembinaan kurikulum ialah Model Taba (1962), Model Saylor, Alexander dan Lewis (1981), Model Tyler (1949), Model Oliva (1976) dan Model Hunkins (1981).

Artikel ini tidak bermaksud untuk membincangkan secara terperinci mengenai model-model kurikulum. Penulis hanya akan mengemukakan tiga model sahaja bagi menunjukkan perkaitan penilaian kurikulum dengan model perkembangan kurikulum. Model-model yang dikemukakan tersebut kesemuanya meletakkan penilaian kurikulum sebagai syarat bagi melengkapkan kitaran kurikulum yang sempurna. Dengan adanya penilaian, bererti sesuatu kurikulum itu akan sentiasa progresif dan berkembang mengikut peredaran zaman dan keperluan-keperluan semasa.

1. Model Taba (1962)


Hilda Taba (1962) seperti yang dipetik oleh Yusuf Hashim (2000) menggunakan pendekatan "grass-root" untuk membina kurikulum. Beliau yakin kurikulum seharusnya dibina oleh guru, dan bukannya diturunkan dari atas ke bawah. Beliau mencadangkan lima langkah untuk membina kurikulum (Lihat Rajah 1). Pertama, menghasilkan unit kecil pelajaran mengikut gred dan mata pelajaran. Kedua, mencuba unit yang dihasilkan, Ketiga, menyemak semula pelajaran dan membuat penambahbaikan. Keempat, menilai skop dan urutan program dan kelima, mengguna dan menyebarkan hasil pelajaran.



Rajah 1 : Ubahsuai dari Model Taba (1962)

2. Model Saylor, Alexander dan Lewis (1981)


Saylor, Alexander dan Lewis (1981) memperkenalkan pendekatan sistematik dalam membina kurikulum. Pembinaan kurikulum menurut model mereka dimulakan dengan menentukan matlamat dan objektif. Selepas itu perancang kurikulum akan beralih kepada rekabentuk kurikulum. Kemudian guru akan melaksanakan kurikulum tersebut di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Peringkat terakhir adalah membuat penilaian kepada kurikulum tersebut. (Rujuk Rajah 2)



Rajah 2 : Ubahsuai dari Model Saylor, Alexander dan Lewis (1981)

3. Model Tyler (1949)

Model Tyler merupakan model perkembangan kurikulum yang sangat terkenal (Yusuf Hashim, 2000). Tyler mencadangkan empat langkah dalam proses membina kurikulum. Pertama, menentukan tujuan pendidikan. Kedua, menentukan pengalaman pendidikan yang berkaitan dengan tujuan pendidikan. Ketiga, menentukan susunan pengalaman dan keempat, menentukan penilaian pengalaman. (Lihat Rajah 3)



Rajah 3 : Ubahsuai dari Model Kurikulum Tyler (1949).

DEFINISI PENILAIAN KURIKULUM

Perbincangan mengenai penilaian kurikulum banyak diperkatakan oleh pakar-pakar pendidikan. Terdapat banyak penulisan dan buku-buku tentang pendidikan, pengajaran dan penilaian kurikulum. Istilah yang sering terdapat dalam penulisan-penulisan tersebut ialah penilaian terhadap pendidikan yang merangkumi penilaian-penilaian terhadap aspek-aspek kurikulum, pengajaran, kawasan sekolah, bangunan, pentadbiran, pemantauan, personel, pengangkutan dan sebagainya. Menurut Oliva (2005) penilaian kurikulum adalah berbeza dengan penilaian pengajaran (*instructional evaluation*).

Kebanyakan orang berpendapat sekiranya pelajar mencapai objektif pembelajaran dari segi kognitif, afektif dan psikomotor, maka kurikulum yang digunakan itu adalah berkesan dan baik. Menurut Oliva (2005) penilaian dalam pengajaran adalah sebahagian daripada penilaian kurikulum. Di dalam menilai kurikulum, banyak persoalan yang perlu dijawab, antaranya;

- Sejujukanakah ketepatan tujuan dan objektif kurikulum yang dibina.
- Sejujukanakah kurikulum tersebut berfungsi semasa perlaksanaannya di sekolah.
- Sejujukanakah keberkesanan bahan-bahan pengajaran dan keadah-kaedah yang digunakan oleh guru.
- Sejujukanakah kejayaan pelajar-pelajar yang dihasilkan di peringkat sekolah berjaya di dalam pendidikan tinggi ataupun dalam bidang kerjaya mereka, samada mereka boleh berfungsi dalam kehidupan mereka sendiri dan juga menyumbang kepada masyarakat.
- Sejujukanakah ketepatan perbelanjaan dan kos yang diperuntukan, samada setiap sen yang dikeluarkan itu memberi pulangan yang baik kepada rakyat.

Saedah Siraj (2001) mendefinisikan penilaian kurikulum sebagai satu proses pengkajian tahap kejayaan dan keberkesanan semada sesuatu aspek atau keseluruhan sesebuah kurikulum dari segi ketepatan objektif, kesesuaian kandungan serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan.

Tyler (1949) dan Taba (1962) seperti yang dipetik oleh Saedah Siraj (2001) mendefinisikan penilaian kurikulum sebagai sebahagian daripada komponen kurikulum. Manakala menurut Attkisson (1978), penilaian kurikulum adalah satu proses menilai keberkesanan, kecekapan dan kesempurnaan sesebuah program. Stufflebeam (1971) dalam Saedah Siraj (2001) menyebut penilaian adalah cara mendapatkan maklumat dan memanfaatkan maklumat tersebut untuk membuat sesuatu keputusan. Schubert (1986) menyatakan penilaian merupakan percubaan untuk mengukur atau menentukan nilai pelajar dan amalan, bahan atau program pendidikan. Penilaian tersebut turut berfungsi sebagai titik permulaan untuk menentukan tujuan sesuatu kurikulum dapat dicapai.

Menurut Vincent Pang (2005), kebanyakan pakar dalam bidang kurikulum mentakrifkan penilaian kurikulum adalah satu proses mengumpul dan mencari maklumat bagi membolehkan sesuatu keputusan dibuat. Umpamanya, Cronbach (1963) seperti yang dipetik oleh Vincent Pang (2005), menjelaskan penilaian adalah pengumpulan maklumat bagi membolehkan sesuatu keputusan dibuat. Kenyataan beliau disokong oleh Alkin (1972) yang menjelaskan bahawa penilaian adalah proses menentukan keputusan terhadap sesuatu perkara tertentu, pemilihan maklumat-maklumat yang sesuai dan mengumpul serta menganalisis maklumat tersebut bagi tujuan membuat keputusan. Berdasarkan keputusan tersebut membolehkan penambahbaikan terhadap sesuatu kurikulum itu dapat dilakukan.

Tellep (1989) dalam Saedah Siraj (2001) mendefinisikan penilaian kurikulum sebagai satu kajian yang dikendalikan untuk membantu para penyelidik mengkaji dan mengubahsuai keberkesanan kurikulum pendidikan. Definisi yang diberikan oleh Brady (1990) terhadap penilaian kurikulum agak komprehensif (Saedah Siraj, 2001). Menurut beliau, penilaian kurikulum adalah;

- Mengukur tahap pencapaian pelajar dalam memenuhi objektif kurikulum.
- Membandingkan pencapaian pelajar dengan piawai yang ditentukan.
- Menghurai dan menilai kurikulum.
- Mengenalpasti bidang dalam membuat keputusan mengenai kurikulum.
- Memilih dan menganalisis maklumat yang relevan dengan bidang yang ditentukan, dan
- Menggunakan pengetahuan profesional untuk menilai proses yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum.

Menurut Abu Bakar Nordin (1991), penilaian kurikulum mencakupi aktiviti-aktiviti yang menghurai tentang program pendidikan. Penghuraian tersebut pula mempunyai matlamat dan peranan-peranan yang tertentu. Menurut beliau lagi, disebabkan kurikulum melibatkan berbagai aspek dan elemen berkaitan dengan program pendidikan, maka sekurang-kurangnya aktiviti-aktiviti penilaian dapat difokuskan kepada sesuatu aspek atau beberapa aspek yang telah ditentukan terlebih dahulu. Sebagai contoh, aspek yang boleh dinilai ialah aspek hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran mungkin dalam bentuk pengetahuan, kemahiran atau motivasi pelajar. Selain itu, aspek kaedah dan strategi boleh juga difokuskan dalam penilaian. Penilaian itu nanti boleh dijadikan panduan oleh guru untuk meningkatkan atau memperbaiki kaedah dan strategi dalam pengajarannya.

Penilaian kurikulum juga didefinisikan sebagai satu proses untuk membantu pelaksana meningkatkan dan memperbaiki sesuatu program kurikulum. Umpamanya Mackey & Glenn (1988) seperti yang dipetik oleh Vincent Pang (2005) menyatakan penilaian adalah satu proses yang sistematik dalam mengumpul dan menganalisis maklumat, bagi membantu para pendidik memahami dan membuat penilaian terhadap hasil pembelajaran dan kaedah yang tepat untuk mempertingkatkan proses pendidikan.

Salah satu cara untuk menentukan keberkesanan secara menyeluruh terhadap sesuatu sistem pendidikan adalah melalui penilaian.

Berdasarkan beberapa definisi yang dibincangkan di atas, penilaian kurikulum boleh dirumuskan sebagai satu proses pengumpulan maklumat berkaitan dengan program pendidikan yang dilaksanakan. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis bagi menentukan samada program yang dilaksanakan itu bekesan atau sebaliknya. Berdasarkan kepada dapatan daripada maklumat-maklumat yang telah dianalisis tadi, satu keputusan akan dibuat samada program tersebut akan diteruskan, dikaji semula, ditambah baik atau dirombak secara keseluruhan dan diganti dengan kurikulum baru yang lebih baik.

DEFINISI PENILAIAN KURIKULUM BAHASA ARAB

Menurut Richards (2001) penilaian kurikulum bahasa melibatkan proses penilaian terhadap beberapa aspek dan elemen dalam program tersebut, seperti tujuan kurikulum, sukatan pelajaran, struktur program, analisis pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dan bagaimana perkara-perkara tersebut boleh dirancang dan dilaksanakan. Penilaian juga dibuat terhadap faktor yang menentukan kejayaan dalam pelaksanaan program bahasa dan bahan-bahan pengajaran yang berkaitan. Guru dan juga perancang kurikulum Bahasa Arab sebagai bahasa kedua boleh menggunakan pendekatan tersebut dalam membuat penilaian.

Selagi program tersebut berkaitan dengan penilaian kurikulum, maka beberapa persoalan penting perlu dijawab, antaranya;

- Adakah kurikulum yang digunakan mencapai matlamatnya?
- Apakah yang berlaku di dalam bilik darjah dan sekolah di mana kurikulum itu dilaksanakan?

- Adakah pihak-pihak yang berkaitan (stakeholders) seperti guru, pentadbir, pelajar, ibu bapa dan majikan berpuas hati terhadap kurikulum tersebut?
- Adakah pihak-pihak terlibat dalam menganjur dan mengajar program bahasa telah melaksanakan tugas yang memuaskan?
- Adakah kurikulum tersebut lebih baik jika dibandingkan dengan program-program lain yang seumpama dengannya?

Dalam melaksanakan penilaian kurikulum Bahasa Arab, persoalan-persoalan seperti dikemukakan di atas perlu dijawab. Penilaian hendaklah berfokus kepada mengumpul maklumat terhadap berbagai aspek dalam program pengajaran Bahasa Arab. Ia bertujuan untuk;

- memahami bagaimana program tersebut dijalankan,
- mendapat maklumat sejauhmanakah kejayaan pelaksanaan program tersebut.
- membolehkan beberapa keputusan lain dibuat terhadap pelaksanaan program tersebut.
- mendapat maklumat samada program tersebut memenuhi kehendak dan keperluan pelajar.
- mendapat maklumat samada guru yang terlibat dalam pengajaran Bahasa Arab perlu mendapat latihan lanjutan dan
- mengetahui samada pelajar yang mengikuti program tersebut berminat atau sebaliknya.

Menurut Sander (1992) dan Weir & Roberts (1994) seperti yang dipetik oleh Richards (2001), penilaian boleh juga difokuskan kepada berbagai aspek, antaranya seperti senarai berikut;

- Rekabentuk kurikulum; memberi cadangan dalam memastikan kualiti pelaksanaan dan organisasi program.
- Kandungan Sukatan Pelajaran: menganalisis sejauhmana kesesuaian kandungannya. Adakah ia terlalu mudah atau sukar? Dan sejauhmanakah kejayaan perlaksanaan ujian dan penilaian?
- Pelaksanaan P&P dalam bilik darjah: menilai sejauhmanakah program tersebut dilaksanakan sepatutnya.
- Bahan-bahan pengajaran: memberi perhatian terhadap bahan-bahan yang digunakan dalam pengajaran, samada ia membantu pembelajaran murid.
- Guru-guru: bagaimana pengajaran mereka, apakah persepsi mereka terhadap program tersebut dan apakah yang mereka ajarkan kepada murid.
- Latihan guru: membuat penilaian samada latihan yang diberikan kepada guru mencukupi atau tidak.
- Para pelajar: apakah yang mereka pelajari daripada program tersebut, apakah persepsi mereka serta sejauhmana mereka melibatkan diri.
- Memerhati perkembangan pelajar: melaksanakan penilaian formatif terhadap pembelajaran pelajar.
- Motivasi pelajar: menekankan keberkesanan pengajaran guru dalam membimbing pelajar untuk mencapai matlamat dan objektif sekolah.

- Institusi: apakah sokongan pentadbiran yang diberikan, apakah sumber-sumber yang digunakan dan apakah jaringan komunikasi yang digunakan.
- Persekitaran pembelajaran: menekankan sejauhmana pelajar diberikan persekitaran yang responsif dalam memenuhi keperluan pembelajaran mereka.
- Perkembangan staf: menekankan sejauhmana pihak sekolah memberi peluang kepada kakitangan mengikuti kursus bagi meningkatkan keberkesanan tugas mereka.
- Membuat keputusan (*decision making*): menekankan tentang sejauhmana berkesannya keputusan-keputusan yang dibuat oleh kakitangan sekolah seperti pengetua, guru-guru dan lain-lain. Adakah keputusan-keputusan yang dibuat itu memberi faedah dan manfaat kepada para pelajar.

Sejak 1960an lagi, penilaian kurikulum telah meningkatkan minat para guru dan juga perancang kurikulum. Pembiayaan terhadap projek pembangunan kurikulum oleh kebanyakan negara yang biasanya dikaitkan dengan projek penilaian kurikulum, semakin meningkat. Peningkatan ini menuntut akauntabiliti pihak sekolah, pengurus program dan juga para guru supaya program tersebut dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Senario ini menuntut kefahaman yang mendalam terhadap konsep penilaian kurikulum di kalangan mereka. Menurut Hewing & Dudley-Evans (1996) seperti yang dipetik oleh Richards (2001) menyatakan, skop penilaian telah berubah daripada berkenaan dengan keputusan ujian dan peperiksaan kepada keperluan mengumpul maklumat dan membuat penilaian terhadap semua aspek dalam kurikulum, daripada merancang hinggalah kepada perlaksanaannya.

TUJUAN PENILAIAN KURIKULUM

Menurut Tyler (1949) seperti yang dipetik oleh Vincent Pang (2005) telah menggariskan beberapa tujuan penilaian. Hasil penilaian menurut beliau boleh digunakan untuk melihat dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sesuatu kurikulum. Selain itu ia juga boleh membantu untuk menjelaskan objektif, membuat tindakan susulan dan memberi maklumat terhadap kejayaan sesebuah program yang dilaksanakan di sekolah.

Manakala Saedah Siraj (2001) ketika memetik pendapat Gay (1985) menjelaskan, penilaian mempunyai empat tujuan utama, iaitu;

- Untuk mengenal pasti keupayaan kurikulum, kelemahan dan kebaikannya serta menentukan punca-punca masalah.
- Untuk membuat penambahbaikan dalam aspek-aspek tertentu dalam proses membangunkan kurikulum.
- Untuk melihat sejauhmana keberkesanan kurikulum yang sedang digunakan, samada perlu diteruskan atau perlu diganti dengan kurikulum yang lain.
- Untuk melihat sejauhmana pulangan pembiayaan kewangan yang diperuntukkan bagi melaksanakan kurikulum itu, samada memberi manfaat atau sebaliknya.

Menurut Abu Bakar Nordin (1991), kurikulum adalah program pendidikan yang sangat kompleks. Ia berbentuk samada secara formal ataupun secara informal. Penilaian kurikulum bertujuan memberi huraian mengenai beberapa persoalan mengenai program kurikulum tersebut. Antara persoalan-persoalan yang mungkin ditimbulkan mengenai kurikulum ialah;

- Apakah kepentingan kurikulum tersebut dan sejauhmanakah kesahan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan?
- Apakah kemampuan program kurikulum tersebut mencapai matlamatnya dalam keadaan pengajaran yang sedia ada?
- Apakah program kurikulum itu lebih ekonomik bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan?
- Apakah hasil-hasil yang tidak dirancang yang mungkin timbul daripada pelaksanaan program kurikulum tersebut?

Menurut beliau lagi peranan penilaian terhadap kurikulum adalah berbagai. Penilaian kurikulum menurut beliau, juga bertujuan;

- Membantu perancang kurikulum dalam memperbaiki atau membangunkan semula kurikulum. Mungkin terdapat kekurangan atau kelompangan dalam kurikulum tersebut yang perlu dibuat penambahbaikan, ataupun kurikulum tersebut gagal sepenuhnya sehingga perlu diganti dengan satu kurikulum yang baru.
- Membantu pihak berwajib merancang proram latihan kepada guru bagi melancarkan pelaksanaan kurikulum tersebut. Guru perlu benar-benar memahami dan menguasai kurikulum yang digunakan supaya tujuan dan matlamat kurikulum itu tercapai seperti yang diharapkan.
- Membantu guru dalam proses penyediaan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian. Bahan-bahan pengajaran perlu digunakan bagi membantu kefahaman murid terhadap sesuatu pengajaran.

- Membantu guru dalam menentukan apakah kaedah atau teknik yang bersesuaian dalam pengajaran mereka. Kaedah dan teknik yang betul serta sesuai akan mempercepatkan kefahaman murid.
- Memberi penjelasan dan maklumat kepada ibu bapa dan juga masyarakat yang ingin mengetahui apakah terjadi terhadap pelaksanaan sesuatu kurikulum. Umpamanya ibu bapa dan juga orang ramai mungkin ingin tahu apakah kesan atau hasil program Bahasa Arab j-QAF. Apakah program tersebut mencapai hasrat kerajaan atau sebaliknya. Ini adalah disebabkan program tersebut melibatkan pembiayaan dan peruntukan yang besar dari pihak kerajaan. Rakyat sebagai pembayar cukai berhak mengetahui sejauhmana cukai yang mereka bayar memberi manfaat.

Ee Ah Meng (1997) seperti yang dipetik oleh Saedah Siraj (2001) merumuskan penilaian kurikulum dilakukan oleh pelbagai kategori individu seperti para guru dan penggubal dasar di peringkat kementerian. Ia bertujuan untuk melihat sejauhmana keberkesanan sesuatu kurikulum yang digunakan itu secara menyeluruh dan bersepadu. Justeru itu menurut beliau, penilaian kurikulum haruslah memberi penekanan kepada beberapa aspek berikut;

- Penilaian yang dibuat hendaklah diselaraskan dengan objekif-objektif kurikulum. Contohnya, sekiranya program kurikulum tersebut menekankan perkembangan individu, maka prestasi murid secara individu seharusnya diberi penekanan. Justeru itu pencapaian seseorang murid tidak sewajarnya dibandingkan dengan pencapaian seorang murid yang lain.
- Penilaian yang dibuat seharusnya menyeluruh dan konprehensif. Sesuatu kurikulum bergantung kepada pemerolehan kemahiran akademik seperti pembacaan, pengiraan, kebolehan mencari lokasi di dalam peta dan sebagainya. Cara untuk menguji kemahiran-kemahiran tersebut ialah melalui ujian-ujian.

- Nilai diagnostik sepatutnya memadai. Justeru itu penilaian kurikulum seharusnya menekankan berbagai tahap prestasi atau kemahiran yang dapat dicapai dan seterusnya menggambarkan kekuatan dan kelemahan dalam proses dan hasil prestasi.
- Kesahan penilaian sangat penting. Oleh yang demikian alat-alat yang digunakan di dalam penilaian seharusnya menilai apa yang hendak dinilai.
- Penilaian hendaklah dilakukan secara berterusan. Ini adalah kerana kurikulum itu bersifat progresif dan perlu mengikut perkembangan dan kemajuan dunia.

MODEL PENILAIAN KURIKULUM

Menurut Saedah Siraj (2001), model adalah satu gambaran konseptual terhadap sesuatu aktiviti. Ia menunjukkan perkaitan antara satu atau beberapa elemen dengan beberapa elemen yang lain dalam aktiviti tersebut. Dengan adanya model, akan memudahkan guru atau perancang kurikulum melaksanakan tugas membuat penilaian.


Terdapat banyak model penilaian kurikulum yang boleh digunakan dalam melaksanakan proses membuat penilaian dengan syarat dibuat penyesuaian mengikut kehendak dan ciri-ciri kurikulum yang hendak dinilai. Antaranya Model Objektif Tyler (1949) yang menilai tingkah laku pelajar. Ini adalah kerana objektif yang hendak dicapai dalam kurikulum adalah perubahan tingkah laku.

Model penilaian kurikulum Metfessel & Michal (1967) seperti yang dipetik oleh Saedah Siraj (2001) pula mengandungi lapan peringkat iaitu;

1. Melibatkan keseluruhan komuniti sekolah sebagai fasilitator penilaian program.

2. Membentuk model tujuan dan objektif khusus yang bersifat kohesif (bersepadu).
3. Menterjemahkan objektif khusus kepada bentuk yang boleh diaplikasi kepada pembelajaran.
4. Memilih dan membentuk alat-alat pengukuran untuk menilai pencapaian objektif-objektif program.
5. Menjalankan pencerapan dan penilaian dari semasa ke semasa.
6. Menganalisis data yang diperolehi.
7. Mentaksir hasil yang dianalisis.
8. Mencadangkan perubahan beberapa aspek program termasuk pemindaan objektif dan matlamat program.

Stufflebeam (1971) seperti yang dipetik oleh Vincent Pang (2005) telah memperkenalkan Model CIPP (Context, Input, Process, Product) yang membahagikan penilaian kurikulum kepada empat aspek iaitu konteks, input, proses dan produk (Lihat Rajah 4). Penilaian konteks dibuat untuk melihat perbezaan antara tujuan asal kurikulum tersebut dengan status semasa di mana kurikulum itu dilaksanakan. Penilaian input pula merujuk kepada proses untuk mengenal pasti sumber dan strategi yang ada dan boleh didapati untuk digunakan dalam pelaksanaan kurikulum. Manakala penilaian proses bertujuan untuk mendapat maklum balas secara berkala mengenai kemajuan dan prosedur pelaksanaan kurikulum di samping mengawal dan menambah baik perancangan kurikulum (Saedah Siraj. 2005).



Rajah 3 : Ubahsuai dari Model CIPP Stufflebeam (1971).

Penilaian produk pula bertujuan menilai hasil pencapaian dalam pelaksanaan kurikulum tersebut. Maklumat yang diperolehi hasil daripada penilaian akan membantu perancang kurikulum membuat ketetapan samada kurikulum tersebut boleh diteruskan dengan dibuat penambahbaikan ataupun diganti dengan kurikulum baru yang lebih baik.

Model penilaian kurikulum CIPP dikatakan antara model yang terbaik kerana ia bersifat menyeluruh. Banyak kajian lepas yang menggunakan Model CIPP dalam membuat penilaian sesebuah kurikulum. Umpamanya kajian yang dibuat oleh Abu Bakar Ibrahim (1990) mengenai program pengajian perbankan di UiTM. Seperti yang dipetik oleh Saedah Siraj (2001) Abu Bakar mendapati dalam kajiannya bahawa Kursus Bahasa Inggeris telah membantu graduan perbankan UiTM mendapat pekerjaan. Seterusnya beliau mencadangkan supaya keseluruhan isi kandungan kurikulum pengajian perbankan dipinda dengan mengikut perkembangan semasa.

Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia (1994) dalam membuat penilaian terhadap keberkesanan kurikulum Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) seperti yang dipetik oleh Saedah Siraj (2001). Hasil kajian tersebut antara lain mendapati perubahan-perubahan perlu

dipertimbangkan terhadap aspek struktur, komponen dan pelaksanaan kurikulum. Selain dari itu penyemakan kurikulum perlu mengambil kira perkembangan semasa kurikulum sekolah seperti pengenalan program reka cipta, penyebatian kemahiran berfikir secara kreatif dan dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran dan teknologi maklumat dan komunikasi.

PENDEKATAN PENILAIAN KURIKULUM BAHASA ARAB

Weir & Robert (1994) seperti yang dipetik daripada Richards (2001) telah membezakan di antara dua tujuan utama penilaian program bahasa iaitu penilaian berorientasikan akauntabiliti dan penilaian berorientasikan perkembangan. Akauntabiliti merujuk kepada sejauhmana mereka yang terlibat dalam program tersebut boleh menjawab persoalan kualiti kerja mereka. Penilaian berorientasikan akauntabiliti biasanya menguji keberkesanan program di akhir kitaran kurikulum. Penilaian seumpama ini bertujuan memberi maklumat atau penjelasan kepada masyarakat dan juga kepada pembuat dasar tentang sejauhmana keberkesanan tugas pelaksana kurikulum diperingkat sekolah. Adakah matlamat dan tujuan kurikulum yang mereka laksanakan tercapai seperti yang telah ditetapkan.

Penilaian berasaskan perkembangan pula dilakukan untuk tujuan meningkatkan dan memperbaiki kualiti kurikulum yang digunakan. Penilaian seumpama ini akan melibatkan kakitangan samada mereka yang terlibat ataupun tidak dalam program kurikulum tersebut. Justeru itu Weir & Robert (1994) seperti yang dipetik oleh Richards (2001) mengkategorikan pendekatan penilaian kurikulum kepada penilaian formatif, penilaian iluminatif dan penilaian sumatif.

1. Pendekatan Penilaian Formatif

Menurut Scriven (1967) dan Brinkerhoff et al. (1983) seperti yang dipetik daripada Saedah Siraj(2001), penilaian formatif bertujuan memperbaiki dan memperkembangkan

aktiviti semasa dengan penilaian secara berterusan untuk mengesan, mengenal pasti kelemahan dan memperbaiki kesalahan yang terdapat dalam kurikulum tersebut.

Menurut Richards (2001) penilaian formatif adalah satu proses penilaian yang berterusan bagi meningkat dan memperbaiki sesuatu program kurikulum. Menurut beliau, persoalan-persoalan yang biasanya dikaitkan dengan penilaian formatif adalah;

- Adakah masa yang secukupnya telah diperuntukkan bagi melihat pencapaian objektif program tersebut?
- Adakah ujian penempatan telah dilaksanakan ke atas pelajar sebelum mereka dikelaskan mengikut tahap pencapaian?
- Sejauhmanakah baiknya penerimaan pelajar terhadap buku teks?
- Adakah metodologi yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran bersesuaian?
- Adakah guru-guru atau para pelajar menghadapi kesukaran terhadap mana-mana aspek dalam program tersebut.
- Adakah pelajar berasa seronok dengan apa yang mereka lalui? Jika tidak, apakah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan motivasi mereka?
- Adakah para pelajar mendapat hak dan pembelajaran yang secukupnya dalam proses pelaksanaan program tersebut? Adakah perlu ditingkatkan usaha untuk menjayakan program tersebut ataupun dikurangkan?
- Adakah keperluan bahan-bahan pembelajaran mencukupi?

Maklumat-maklumat yang dikumpul semasa penilaian formatif biasanya digunakan untuk mendedahkan masalah-masalah yang telah dikenal pasti. Dengan itu penambahbaikan boleh dilakukan bagi meningkatkan keberkesanan program.

1.1 Contoh 1 Penilaian Formatif

Dalam pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab komunikasi di sekolah, didapati guru lebih banyak memainkan peranan dalam komunikasi berbanding dengan murid (komunikasi hanya sehalu). Sebahagian besar guru selesa dengan amalan pengajaran berpusatkan guru. Situasi ini sebenarnya tidak menepati falsafah pengajaran bahasa melalui pendekatan komunikatif.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak sekolah boleh mengadakan satu bengkel pada hari yang bersesuaian seperti hari Sabtu bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses P&P. Alat-alat seperti video boleh digunakan bagi menunjukkan beberapa model pengajaran yang sesuai. Guru-guru bolehlah menggunakan teknik dan strategi yang ditunjukkan oleh model pengajaran yang ditunjukkan di dalam tayangan video. Di dalam bengkel-bengkel yang akan datang, guru-guru bolehlah melaporkan keberkesanan teknik dan strategi yang telah mereka gunakan seperti yang telah dicadangkan dalam bengkel sebelumnya.

1.2 Contoh 2 Penilaian Formatif

Selepas beberapa minggu pengajaran terhadap kemahiran bersepadu dimulakan, didapati terdapat perbezaan persepsi tentang tentang yang mana satukah antara kemahiran-kemahiran tersebut yang perlu diutamakan. Masa yang diperuntukkan oleh setiap guru dalam melaksanakan kemahiran-kemahiran tersebut berbeza antara satu sama lain. Beberapa mesyuarat boehlzh diadakan bagi melihat kefahaman guru terhadap objektif pelajaran dan juga untuk menjelaskan pemberatan yang patut diberi terhadap komponen-komponen tertentu. Rakan sejawat boleh dicadangkan membuat pemerhatian di dalam P&P bagi membuat perbandingan stail dan pemberatan.

1.3 Contoh 3 Penilaian Formatif

Pembelajaran kemahiran bertutur kepada pelajar-pelajar lemah diadakan selama 10 minggu. Aspek penyebutan sengaja tidak dijadikan elemen utama dalam pengajaran tersebut kerana diandaikan masalah penyebutan akan dapat diatasi selepas beberapa minggu pelajar mengikuti pembelajaran. Bagaimanapun selepas empat minggu, masalah pelajar masih berterusan terutama dalam aspek penyebutan. Maka ketetapan dibuat untuk memasukkan aspek penyebutan dalam komponen pembelajaran. Diagnostik secara individu diadakan terhadap pelajar-pelajar yang mempunyai masalah penyebutan yang serius dan mereka diberi latihan yang sistematik samada di dalam makmal ataupun di dalam bilik darjah..

2. Pendekatan Penilaian Iluminatif

Antara pendekatan lain yang boleh digunakan dalam penilaian kurikulum bahasa adalah penilaian iluminatif. Model penilaian iluminatif diperkenalkan oleh Parlett & Hamilton (1976) dalam Saedah Siraj (2001). Menurut Richards (2001) Penilaian iluminatif merujuk kepada penilaian untuk mengenal pasti sejauhmanakah perbezaan yang terdapat dalam beberapa aspek sesuatu program itu. Penilaian iluminatif juga dilakukan untuk memberikan kefahaman yang mendalam terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa soalan yang boleh digunakan dalam penilaian melalui pendekatan iluminatif;

- Bagaimanakah pelajar melaksanakan tugas secara berkumpulan? Adakah semua mereka mengambil bahagian dalam tugas tersebut?
- Apakah jenis-jenis strategi pembetulan kesilapan yang digunakan oleh guru-guru?
- Apakah bentuk keputusan-keputusan yang digunakan oleh guru-guru semasa pengajaran?

- Bagaimanakah guru-guru menggunakan rancangan penajaran semasa mengajar?
- Apakah bentuk interaksi antara guru dan murid yang sering berlaku di dalam bilik darjah?
- Apakah strategi bacaan yang digunakan oleh para pelajar terhadap bahan-bahan bacaan yang berbagai-bagai?
- Bagaimanakah para pelajar memahamin apa yang guru tekankan semasa pembelajaran?
- Pelajar manakah di dalam bilik darjah yang kurang aktif atau sebaliknya?

2.1 Contoh 1 Pendekatan Penilaian Iluminatif

Seorang guru yang mengajar kemahiran membaca menggunakan berbagai pendekatan seperti membaca secara sepintas lalu, membaca dengan teliti, membaca secara terperinci, meninjau kandungan teks, menganalisis teks dan juga menumpukan perbendaharaan kata. Semua kemahiran tersebut dilakukan secara berulang-ulang. Guru berminat untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap apa yang diajarkan kepada mereka. Setiap murid diminta mengisi borang soal-selidik dalam setiap pembelajaran bagi melihat persepsi mereka. Guru akan mendapati persepsi yang berbeza di antara pelajar terhadap berbagai aktiviti atau pun terhadap pembelajaran keseluruhannya. Selepas memperolehi maklumat ini, guru akan lebih memahami apakah minat pelajar? Dan apakah yang mereka perlukan?

2.2 Contoh 2 Pendekatan Penilaian Iluminatif

Seorang guru berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai interaksi antara guru dan pelajar di dalam kelasnya sendiri. Dia mempelawa rakan sejawatnya membuat beberapa siri pencerapan terhadap pengajaran yang dilaksanakannya. Pencerap diminta membuat catatan terhadap kekerapan guru tersebut mengadakan interaksi dengan pelajar serta

apakah bentuk-bentuk interaksi yang digunakan. Catatan yang dibuat melibatkan jenis-jenis soalan yang dikemukakan oleh guru tersebut, serta sejauhmanakah guru tersebut menghargai dan menjawab soalan-soalan dari pelajar.

Dari data-data yang dicatat oleh pencerap, guru tersebut dapat melihat sejauhmana dirinya atau pelajar yang mengawal interaksi di dalam bilik darjah. Beliau juga dapat memahami dengan lebih baik tentang bagaimana soalan-soalan yang dikemukakan kepada pelajar bersesuaian dengan kandungan pelajaran.

2.3 Contoh 3 Pendekatan Penilaian Iluminatif

Seorang guru berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana pelajar-pelajarnya menjalankan tugas secara berkumpulan dan sejauhmana dia telah mempersiapkan pelajar-pelajarnya itu. Dia membuat rakaman terhadap berbagai kumpulan semasa mereka melakukan tugas dalam kumpulan. Kemudiannya dia melihat semula rakaman tersebut untuk mengenal pasti sejauhmana keterlibatan pelajar-pelajar dalam perbincangan kumpulan dan tahap bahasa yang mereka gunakan.

Dengan cara melihat semula rakaman yang dibuat guru berkenaan membolehkan dia merangka strategi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam perbincangan berkumpulan. Umpamanya setiap pelajar diberi peranan masing-masing di dalam kumpulan tersebut seperti menjadi pengerusi, sebagai pencatat, sebagai pemerhati aspek bahasa dan sebagainya. Ini boleh meningkatkan keberkesanan dalam proses P&P yang dilaksanakan serta membolehkan pelajar mencapai objektif pembelajaran.

Kebanyakan kajian tindakan yang dilakukan terhadap perjalanan P&P di dalam bilik darjah dikatakan sama dengan penilaian iluminatif. Block (1989) seperti yang dipetik oleh Richards (2001) telah membahaskan akan kepentingan penilaian iluminatif bagi memahami tanggapan pelajar terhadap pembelajaran bahasa yang mereka ikuti serta mengetahui sejauhmana minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Justeru itu beliau

mencadangkan supaya guru sentiasa menemubual pelajar bagi mengetahui tanggapan mereka terhadap mata pelajaran tersebut.

3. Pendekatan Penilaian Sumatif

Menurut Richards (2001) pendekatan penilaian yang paling popular dan sering digunakan oleh guru dan pengurus program adalah penilaian sumatif. Penilaian sumatif dilakukan untuk mencari ketetapan atau keputusan terhadap keseluruhan program atau menentukan nilai-nilai dari berbagai aspek kurikulum tersebut. Penilaian sumatif dilakukan untuk melihat keberkesanan program dan untuk melihat sejauhmana program tersebut boleh diterima pakai. Dalam membuat penialain melalui pendekatan sumatif soalan-soalan yang mungkin perlu dijawab ialah;

- Sejauhmanakah keberkesanan mata pelajaran tersebut tersebut? Adakah ia telah mencapai objektifnya?
- Apakah yang telah murid-murid pelajari?
- Sejauhmanakah penerimaan pelajar dan guru-guru terhadap mata pelajaran tersebut?
- Adakah semua bahan-bahan pengajaran yang berkaitan dengan mata pelajaran tersebut berfungsi dengan baik?
- Adakah objektifnya memadai? Atau perlukah objektif tersebut disemak semula?
- Adakah ujian penempatan kelas dan ujian pencapaian yang dilaksanakan ke atas pelajar memadai?
- Adakah masa yang diperuntukkan bagi menjayakan program tersebut mencukupi?

- Adakah metodologi dan kaedah yang digunakan dalam pengajaran mata pelajaran tersebut sesuai?
- Apakah masalah-masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan program tersebut?

Dalam memastikan adakah program tersebut berkesan atau sebaliknya, kriteria keberkesanan yang dikehendaki perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Terdapat berbagai alat pengukuran yang boleh digunakan untuk mengukur keberkesanan program (Richards. 2001). Contohnya;

3.1 Menguasai objektif yang ditetapkan.

Salah satu daripada cara untuk mengukur keberkesanan mata pelajaran Bahasa Arab ialah dengan cara mengemukakan soalan “Sejauhmanakah objektif-objektif yang ditentukan telah tercapai?” Setiap objektif diteliti dan kriteria keberkesanan setiap objektif tersebut hendaklah dipilih. Contohnya, dalam pengajaran kemahiran bertutur, objektifnya mungkin berbunyi;

“di dalam perbincangan dalam kumpulan, pelajar akan mendengar dan akan memberi respon terhadap pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli lain di dalam kumpulan”.

Sejauhmana pelajar dapat mencapai objektif tersebut di akhir pelajaran boleh diuji oleh guru dengan cara memerhati aktiviti perbincangan yang dilakukan. Sekiranya pencapaian pelajar adalah lemah dalam memberi respon, maka puncanya hendaklah dikenal pasti. Mungkin peluang yang secukupnya tidak diberikan kepada pelajar untuk berbuat demikian. Mungkin juga topik perbincangannya agak berat dan tidak menarik minat pelajar.

Bagaimanapun menurut Richards, penguasaan terhadap objektif tidak dapat memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran tersebut. Objektif masih boleh dicapai oleh pelajar melalui berbagai cara lain. Umpamanya pelajar mungkin boleh mengikuti kelas-kelas tambahan. Atau objektif mungkin boleh dicapai, tetapi pelajar mempunyai tanggapan dan persepsi yang buruk terhadap mata pelajaran berkenaan.

3.2 Prestasi Dalam Ujian.

Selain dari penilaian melalui penguasaan objektif, ujian atau peperiksaan secara formal juga sering digunakan untuk mengukur pencapaian pelajar. Ujian mungkin boleh dilakukan di akhir setiap sesi pembelajaran, ataupun di akhir program untuk melihat sejauhmana pencapaian pelajar yang mengikuti program berkenaan. Pencapaian pelajar mungkin boleh menjadi asas untuk melihat sejauh mana keberkesanan kurikulum mata pelajaran yang diguna pakai samada boleh diteruskan, dibuat penambahbaikan ataupun ditukar dengan program yang lebih baik lagi.

3.3 Mengukur Tahap Penerimaan.

Program yang dilaksanakan mungkin mencapai semua objektif seperti yang dikehendaki di dalam kurikulum yang dibina, tetapi penerimaan guru dan juga pelajar terhadap program berkenaan mungkin agak negatif. Tahap penerimaan program boleh dikenal pasti melalui soal-selidik atau temu bual terhadap guru dan pelajar. Mungkin tahap penerimaan mempunyai kaitan dengan faktor jadual waktu, saiz bilik darjah, pemilihan bahan pengajaran dan pembelajaran atau stail pengajaran yang diamalkan oleh guru.

3.4 Menilai Jumlah Pelajar Yang Kekal Atau Kadar Enrolmen Pelajar.

Mengukur keberkesanan program pada peringkat sekolah boleh juga dibuat melalui penilaian terhadap jumlah pelajar yang kekal dalam program tersebut sehingga tamat pengajian mereka. Penilaian juga boleh dibuat dengan melihat jumlah pelajar yang

berminat menyertai program tersebut. Sekiranya jumlah pelajar yang dapat bertahan semakin berkurangan ataupun jumlah pelajar yang mahu menyertai program tersebut tidak menunjukkan peningkatan, andaian boleh dibuat bahawa program tersebut kurang berkesan dan perlu disemak kembali.

3.5 Keberkesanan Program.

Pengukuran lain yang boleh digunakan untuk melihat keberkesanan program pengajaran bahasa ialah melalui penilaian secara lansung terhadap program tersebut. Ini boleh dilakukan dengan cara melihat maklumat mengenai berbagai masalah yang timbul semasa pelaksanaan program tersebut, melihat masa yang telah dihabiskan dalam merancang dan melaksanakan program, melihat keperluan kepakaran dalam penyediaan bahan dan latihan guru dan juga jumlah masa yang banyak terpaksa digunakan untuk perbincangan dan juga mesyuarat.

PROSEDUR DALAM PELAKSANAAN PENILAIAN

Untuk memastikan penilaian dapat dibuat dengan baik serta hasilnya juga baik dan boleh dimanfaatkan, beberapa prosedur boleh digunakan. Di dalam melaksanakan penilaian program bahasa, Richards (2001) telah mencadangkan beberapa prosedur iaitu;

1. Peperiksaan.

Berbagai jenis ujian boleh digunakan untuk mengukur perubahan dalam pembelajaran. Ujian-ujian tersebut antaranya adalah seperti berikut;

- Ujian peringkat sekolah seperti peperiksaan akhir yang dilaksanakan untuk mengukur apakah yang telah murid pelajari di dalam program tersebut.

- Peperiksaan peringkat antarabangsa seperti peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) untuk membolehkan pelajar menyambung pelajaran di Universiti al-Azhar di Mesir.
- Peperiksaan Buku Teks seperti yang dibekalkan kepada guru.
- Rekod pelajar seperti maklumat yang dikumpulkan melalui kerja kursus atau penilaian berterusan. Maklumat ini mungkin boleh digunakan sehingga akhir program pengajian mereka untuk menentukan skor pelajar tanpa perlu mereka menduduki peperiksaan akhir.

Dari segi kelebihan dalam prosedur ini ialah peperiksaan tersebut boleh memberi ukuran secara lansung terhadap pencapaian pelajar, terutamanya jika pengukuran tersebut berasaskan kepada pencapaian mereka. Bagaimanapun dari segi kelemahannya ialah, peperiksaan tersebut tidak selalunya menggambarkan tentang pencapaian aspek pengajaran dan sebagainya. Sekiranya terdapat kelemahan dalam aspek peperiksaan tersebut, sukar untuk mengenalpasti faktor-faktor kegagalan pelajar. Mungkin faktor guru menjadi penyebabnya. Mungkin juga faktor bahan pengajaran dan pembelajaran, mungkin juga faktor pelajar sendiri dan mungkin juga faktor program tersebut yang menjadi penyebabnya. Justeru itu penilaian lanjut diperlukan bagi mengenal pasti masalah yang sebenarnya.

2. Membuat Perbandingan Dengan Program Lain Yang Serupa.

Pencapaian pelajar dalam dua program yang serupa di sekolah boleh dibuat perbandingan. Umpamanya pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris mungkin boleh digunakan sebagai perbandingan dengan pencapaian pelajar yang mengikuti kelas Bahasa Arab. Pendekatan melalui perbandingan adalah untuk melihat dua atau lebih situasi pengajaran. Ia mengukur keberkesanan kurikulum dengan membuat perbandingan yang relatif terhadap dua kaedah pengajaran.

3. Temubual.

Temubual samada dengan guru atau pelajar boleh dilakukan dalam usaha untuk mendapatkan pandangan mereka dalam sebarang aspek di dalam program pengajaran Bahasa Arab. Keadah temubual secara berstruktur hendaklah digunakan supaya maklumat-maklumat yang diperlukan lebih tersusun dan bermakna.

Kelebihannya ialah, melalui temubual maklumat-maklumat yang lebih mendalam boleh diperolehi melalui soalan-soalan yang spesifik. Bagaimanapun pendekatan ini terdapat jua kelemahannya iaitu, ia mungkin memerlukan masa yang banyak. Selain dari itu hanya beberapa orang guru dan murid sahaja biasanya yang dilibatkan dalam temubual. Dapatan daripada temubual tersebut dari segi etika penyelidikan, tidak boleh dijadikan sebagai generalisasi.

4. Soal-selidik

Pendekatan soal-selidik boleh digunakan untuk mencungkil pandangan dan komen dari pihak guru dan juga pelajar terhadap berbagai isu secara menyeluruh. Guru dan pelajar mungkin lebih bersifat terbuka kerana kebiasaannya pemberi maklumat dalam soal-selidik tidak diketahui dan dirahsiakan.

Kelebihannya ialah, soal-selidik mudah untuk dikendalikan dan maklumat yang diperlukan boleh diperolehi daripada jumlah responden yang ramai. Manakala kelemahannya ialah, ketelitian diperlukan dalam pembinaan soal-selidik bagi mengelakkan bias dalam memberikan maklumat. Maklumat yang diperolehi juga kadangkala sukar untuk ditafsirkan.

5. Pendekatan Melalui Laporan Guru

Selain dari itu, penilaian boleh dibuat melalui laporan atau maklum balas yang ditulis oleh guru-guru yang terlibat dalam program bagi mencungkil pandangan dan komen mengenai keseluruhan perjalanan program tersebut.

Kelebihannya ialah, guru merupakan orang yang paling tepat dan layak dalam memberi maklum balas terhadap perjalanan program tersebut kerana mereka terlibat secara langsung. Selain dari itu maklumat-maklumat juga boleh diperolehi dengan cepat dan mudah untuk difahami. Kelemahannya ialah, maklumat yang diperolehi mungkin bersifat bias kerana ia hanya melihat sesuatu isu dari perspektif guru semata-mata.

6. Penulisan Diari dan Jurnal

Guru-guru juga boleh mengamalkan mencatat semua perasaan dan pengalaman mereka terhadap program berkenaan melalui penulisan diari dan jurnal (pengalaman). Penulisan diari mungkin boleh dijadikan asas untuk mencatat apa sahaja isu dalam pelaksanaan program.

Kelebihannya ialah maklumat yang diperolehi melalui penulisan diari mungkin lebih bersifat mendalam dan terbuka, selain dari menambah maklumat-maklumat yang dikumpulkan melalui lain-lain sumber. Kelemahannya pula ialah, agak sukar untuk menentukan bagaimana hendak menggunakan maklumat tersebut kerana penulisan di dalam diari adalah bersifat luahan perasaan. Justeru itu, ia memerlukan masa yang panjang untuk menganalisis maklumat-maklumat tersebut.

7. Catatan Guru

Catatan-catatan maklumat yang dibuat oleh guru boleh dijadikan asas dalam membuat penilaian. Umpamanya laporan tentang pengajaran yang dijalankan, laporan tentang

bahan-bahan yang digunakan, laporan tentang kedatangan pelajar, laporan tentang pencapaian murid dan juga laporan tentang peruntukan masa.

Kelebihannya ialah, catatan boleh memberikan maklumat yang banyak dalam berbagai aspek program tersebut. Maklanya kelemahannya pula ialah, tidak semua maklumat daripada laporan itu sesuai dan relevan. Kadangkala laporan itu lebih bersifat luahan perasaan dan hanya digambarkan melalui sudut pandangan guru semata-mata.

8. Catatan (Log) Pelajar

Selain dari itu, pelajar-pelajar juga boleh diminta membuat catatan terhadap apa yang mereka lalui semasa mengikuti pembelajaran. Contohnya, berapa banyak masa yang mereka habiskan untuk menyiapkan berbagai tugas, berapa banyak masa yang mereka gunakan untuk membuat kerja rumah dan juga lain-lain aktiviti luar kelas yang berkaitan dengan pelajaran.

Kebaikan prosedur ini ialah, membolehkan guru melihat isu dari perspektif pelajar, disamping memberi kesedaran kepada guru supaya peka terhadap sesetengah perkara yang mereka tidak sedari. Kelemahannya pula ialah, ia memerlukan kerjasama dari pelajar dan juga pengorbanan masa. Pelajar juga mungkin tidak dapat melihat faedah dan kebaikan sesetengah aktiviti yang dilaksanakan di dalam program tersebut.

9. Kajian Kes

Guru juga boleh melakukan kajian kes terhadap keberkesanan program yang dilaksanakan. Contohnya, guru boleh membuat dokumentasi tentang bagaimana dia merancang pengajarannya di dalam program tersebut, ataupun membuat penelitian dan catatan terhadap perkembangan pelajar.

Kelebihannya kajian kes ialah, ia memberi maklumat yang terperinci terhadap berbagai aspek dalam program tersebut, di samping memberi gambaran yang menyeluruh

tentang program tersebut. Dari segi kelemahannya pula, maklumat-maklumat yang diperolehi mungkin tidak mewakili keseluruhan populasi. Selain dari itu kajian kes memerlukan masa yang banyak dalam membuat persediaan.

10. Penilaian Pelajar.

Pelajar boleh diminta membuat penilaian melalui maklum balas secara lisan atau secara bertulis semasa perjalanan program atau pun selepas mereka tamat mengikuti program tersebut. Mungkin banyak maklumat boleh diperolehi dengan cara ini, seperti maklumat mengenai pendekatan pengajaran guru, bahan-bahan pembelajaran yang digunakan dan kesesuaiannya dengan kehendak pelajar.

Kelebihannya ialah, ia mudah dilaksanakan, disamping boleh mendapatkan maklum balas dalam berbagai aspek yang dikehendaki. Di samping itu, ia boleh melibatkan ramai pelajar dalam memberikan maklum balas. Manakala kelemahannya ialah, maklumat yang diperolehi mungkin terlalu subjektif dan bersifat luahan perasaan. Kadangkala ia sukar untuk mentafsirkan dan sukar untuk membuat generalisasi.

11. Rakaman Audio dan Video.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) boleh dirakamkan untuk melihat perbezaan dan kepelbagaian stail dan format pengajaran.

Membuat rakaman boleh memberi maklumat yang banyak terhadap pengajaran dan merakamkan maklumat yang sukar dibuat dengan kaedah lain. Tetapi kelemahannya ialah, pengajaran yang dirakam mungkin hanya bersifat lakonan semata-mata, bukan bersifat realistik dan bersahaja.

12. Pencerapan.

Pencerapan yang kerap mungkin boleh dilakukan di dalam kelas oleh guru-guru lain ataupun oleh pihak nazir. Pendekatan ini sangat berguna terutama apabila untuk melihat keberkesanan sesuatu model pengajaran. Umpamanya guru yang dicerap diberi satu model untuk dilaksanakan di dalam kelas, guru lain ataupun pihak nazir membuat pencerapan bagi melihat sejauhmana berkesannya model itu di samping melihat faktor-faktor lain yang boleh menentukan kejayaan atau kegagalan model tersebut.

Kelebihannya, pencerapan boleh memberi maklumat terhadap sesuatu aspek yang hendak difokuskan. Selain itu, pencerapan juga boleh memberi maklumat kepada guru yang mengajar tentang beberapa aspek yang sepatutnya perlu ditonjolkan semasa pengajaran. Ia juga boleh dijadikan asas perbincangan sesama guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Kelemahannya pula ialah, guru yang dicerap mungkin merasa terganggu dan kekok. Guru tersebut juga terpaksa membuat persediaan yang baik bagi menghadapi proses pencerapan

RUMUSAN

Kurikulum Bahasa Arab yang dilaksanakan di negara ini sudah cukup baik kerana telah melalui beberapa proses penilaian dan penyemakan. Namun, ini tidak bermakna ia tidak perlu lagi dibuat penilaian kerana sesuatu kurikulum yang baik itu sifatnya adalah progresif dan sentiasa mengalami perubahan. Perubahan dalam kurikulum sangat perlu kerana manusia yang terlibat di dalam kurikulum itu sentiasa berubah dan berkembang. Begitu juga persekitaran yang melingkungi kurikulum itu juga sentiasa berubah dan berkembang mengikut perubahan dan permodenan dunia. Umpamanya kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta ledakan teknologi internet, memaksa kepada perubahan kurikulum supaya bersifat lebih mesra ICT dan juga internet.

Pendekatan komunikatif dalam kurikulum Bahasa Arab juga mungkin perlu dinilai semula. Dari segi realitinya di Malaysia hampir mustahil pelajar dapat mengamalkan komunikasi menggunakan Bahasa Arab kerana persekitaran langsung tidak mengizinkannya. Barangkali lebih baik pendekatan kepada memahami teks-teks al-Quran dan al-Hadith juga kitab-kitab arab diberi keutamaan. Kefahaman yang mendalam dalam memahami al-Quran, al-Hadith dan juga kitab-kitab mu^ctabar akan membantu meningkatkan kognitif dan afektif pelajar. Ini akan dapat membantu ke arah merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan kamil.

BIBLIOGRAFI

- Al-Attas, Syed Muhammad Al-Naquib. 1977. *Aims And Objectives Of Islamic Education*. Jeddah: King Abdulaziz University.
- Abd. Razak Abu Chik. 2007. *Bahasa Arab Banyak Keistimewaan*. http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=0127&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_07.htm [28 Mac 2007]
- Abu Bakar Nordin. 1991. *Kurikulum: Perspektif dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Mohd daud Hamzah. 1993. *Penerokaan Teori Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Zahidi Arifin. 2003. Makluman Pelaksanaan Bahasa Arab Komunilkasi Dan Bahasa Arab Tinggi. *Keperihalan Dasar Dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003 Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab*. Hlmn. 167-195. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral KPM.
- Oliva, Peter F. 2005. *Developing the Curriculum*. New York: Pearson Education Inc.
- Razali Arof. 1991. *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richards, Jack C. 2001. *Curriculum Development in Language Teaching*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Saedah Siraj. 2001. *Perkembangan Kurikulum: Teori dan Amalan*. Sungai Buloh: Alam Pintar Enterprise.
- Vincent Pang. 2005. *Curriculum Evaluation: An Application in a Smart School Curriculum Implementation*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Yusuf Hashim. 2000. *Konsep Dan Perkembangan Kurikulum Instruksi: Modul 1*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zawawi Ismail et al. 2005. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi*. Bangi: Minda Imtiyaz Publication.